MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
06000 Jitra, Kedah Darul Aman
Tel : 9183300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Gred G1 BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Kubang Pasu** yang masih sah tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga bagi menyertai sebut harga berikut :

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	GRED PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN	BAYARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
Menaik Taraf Perabot Jalan Jitra Dari Simpang 4 Lampu Isyarat Maybank Ke Simpang 4 Lampu Isyarat Bandar Darulaman, MP Kubang Pasu (MPKP/PO/SH(K)/7/2022)	**G1/CE** **CE14**	Dokumen : **RM30.00**	Dijual mulai **27 Mac 2022** Sehingga **05 April 2022**	**06 April 2022** **Jam : 12.00** **tengahari**

2. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Untuk semakan kelayakan, kontraktor perlu emelkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. Sekiranya layak, resit pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

   AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
   KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

3. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com

4. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**

5. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat / kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Sila patuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan.

6. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU pada** atau **sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.**

7. **Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.**

AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, AMK.,BCK
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 24 MAR 2022

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Nama Syarikat / Individu	
Alamat	
Nama Pegawai Syarikat (seperti dalam sijil)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (P) / Faks	
No. Telefon (HP)	
Email	
Tajuk Sebut Harga	**Menaik Taraf Perabot Jalan Jitra Dari Simpang 4 Lampu Isyarat Maybank Ke Simpang 4 Lampu Isyarat Bandar Darulaman, MP Kubang Pasu MPKP/PO/SH(K)/7/2022 (RM 30.00)**

Wajib lampirkan bersama salinan sijil-sijil berikut :

1. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh
2. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah tempoh.
3. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK) yang masih sah tempoh.

Peringatan :

- Sila pastikan semua sijil masih sah tempoh **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga dan mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan dalam iklan.
- Sila kemukakan borang ini berserta sijil-sijil ke email perolehanmpkubangpasu@gmail.com untuk semakan.

Tandatangan dan cop syarikat :

Nama :

Tarikh :